



TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

SEMPENA

AMANAT PERDANA MENTERI

MEMBANGUN MALAYSIA MADANI

**19 JANUARI 2022 (KHAMIS) | 11.30 PAGI
PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
(PICC), PUTRAJAYA**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

SALUTASI

Mukadimah: Asal Muasal/ Inspirasi kepada MADANI

1. Istilah “Madani” merujuk kepada tatakelola yang adil dan berkesan dalam sejarah umat Islam di Madinah, yang dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW dan didukung oleh warganya yang berbilang kaum dan agama, yaitu masyarakat yang mengacu pada dasar-dasar manfaat buat warganya yang disebut *al-khayr*.
2. Keunikan fabrik sosial Madinah ditandai dengan Sahifah Madinah yang diungkapkan sebagai “serba terangkum dan sejagat (*truly inclusive and universal*.)”¹ Sahifah Madinah juga menjadi asas kepada *Fiqh al-Muwāṭṭanah* tokoh demokrat Islam Rashid al-Ghannouchi dalam tulisan-tulisannya.²
3. Pemenang Nobel Amartya Sen juga pernah menyatakan bahawa, “*While democracy is not yet universally practiced, nor indeed uniformly accepted, in the general climate of world opinion, **democratic governance** has now achieved the*

¹ Dr Muhammad Hamidullah, *The First Written Constitution in the World* (1975)

² *Al-Dimuqrāṭiyyah wa Ḥuqūq al-Insān fī al-Islām* (2012).

status of being taken to be generally right.”³ Frasa utama di sini tentulah “*democratic governance*”, yakni, tadbir urus demokrasi.

Dignity of Man

4. Perlu digariskan bahawa usul asas yang membingkai demokrasi dan masyarakat madani ialah konsep maruah manusia – *the dignity of man*. Sarjana Barat sering mengaitkan konsep ini dengan humanis *Renaissance* Itali Pico della Mirandola tetapi hakikatnya konsep ini diwacanakan jauh lebih awal lagi (hampir 500 tahun lebih awal), yakni, oleh ulama terkenal Abbasiyah Ibn Qutaiba dalam *Khalq al-Insan* atau “Penciptaan Manusia.”
5. Konsep ini sebenarnya begitu universal sehingga dalam karya terkenalnya *Hamlet*, William Shakespeare telah menggambarkan maruah manusia seperti berikut:

“What a piece of work is a man! how noble in reason! How infinite in faculty! in form and moving how express and admirable, in action how like an angel....”

Para hadirin yang saya hormati,

³ “Democracy as a Universal Value.”

MADANI sebagai Garis Panduan untuk Mengemudi Negara

6. Pembuat dasar dan pucuk pimpinan kementerian dan agensi-agensi negara sememangnya ingin tahu ke manakah hala tuju Kerajaan Perpaduan pada tahun 2023 dan selepasnya.
7. Kita perlu melihat kepada kenyataan global pada hari ini. Dalam dunia yang serba tidak menentu, ditandai dengan kerumitan (*complexity*), percanggahan (*contradiction*), kekacauan (*chaos*) dan keserentakan (*simultaneity*), suatu kerangka strategik yang komprehensif harus dibangunkan untuk mengemudi negara menempuh zaman yang ditakrifkan sebagai pascanormal – *indeed, these are postnormal times*.
8. Berlatarbelakangkan ini, konsep MADANI telah dirangka sebagai ikhtiar kita untuk memetakan strategi bagi mentadbir negara dengan berkesan. Negara – dan peradaban – yang kita citakan, dan akan bangunkan kelak haruslah M.A.D.A.N.I.
- Mampan, sejahterA, berDaya cipta, saling menghormAti, punyai keyakiNan dan bersifat lhsan.

Ekonomi yang Manusiawi: Humane Economy

9. Prestasi ekonomi tahun 2022 dilihat sebagai memberangsangkan ekoran pembukaan semula ekonomi selaras dengan peralihan fasa endemik COVID-19. Dengan sentimen ekonomi yang kekal positif pada hujung tahun 2022,

KDNK tahun 2022 besar kemungkinan melebihi unjuran awal antara 6.5 peratus hingga 7 peratus.

10. Namun demikian, tinjauan ekonomi dunia bagi tahun 2023 tidak menentu dan mencabar. *Economic headwinds* termasuk kekusutan konflik geopolitik yang berlaku menekan inflasi global dan melemah pertumbuhan ekonomi.
11. IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global menurun daripada 3.2 peratus untuk tahun 2022 kepada 2.7 peratus pada tahun 2023.
12. Bank Dunia mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 4% tahun 2023 mengambil kira keadaan ekonomi dunia yang dijangka lebih mencabar pada tahun ini.

Kadar pengangguran

13. Pemulihan ekonomi masa ini turut menyumbang penurunan kadar pengangguran kepada 3.7 peratus pada November 2022 tetapi masih lebih tinggi daripada keadaan guna tenaga penuh sebelum krisis COVID-19 iaitu 3.3 peratus.
14. *These are not absolute numbers and we know that GDP, poverty numbers and statistics alone do not tell the whole story. They are not the be all and end all.*

15. Sudah tiba masanya untuk menamatkan salah ukur kemajuan manusia dengan pertumbuhan ekonomi semata-mata. Kadar pengangguran juga tidak boleh dilihat dari segi perangkaan sahaja kerana ia tidak menggambarkan kesengsaraan dan penderitaan sebenar kemiskinan yang dialami oleh rakyat atau mereka yang terjejas.
16. Bak kata Albert Einstein, *“Everything that can be counted does not necessarily count; everything that counts cannot necessarily be counted.”*
17. Justeru, pertumbuhan dan pengembangan perlu dicapai dalam konteks yang lebih luas yakni ekonomi manusiawi - yang mengutamakan keperluan rakyat, khususnya, yang miskin dan terpinggir, yang membebaskan mereka daripada cengkaman kemiskinan dalam sistem kapitalisme yang tidak terkawal – *unbridled capitalism* – yang membiak ketidaksamaan kekayaan dan ketidaksamaan taraf hidup.
18. Apakah sistem *unbridled capitalism* ini dapat memberikan rakyat marhaen akses kepada keperluan asas untuk kehidupan yang bukan sahaja produktif sepenuhnya tetapi juga menganugerahkan kepadanya maruah yang sepatut diterimanya? Ini termasuk pendapatan yang mencukupi, pendidikan berkualiti dan latihan yang berkesan, perumahan

yang selesa, pemakanan yang mencukupi, penjagaan kesihatan, dan keselamatan dan keamanan.

19. Ini bukan soal akademik, bahkan pertimbangan fundamental yang pada hemat saya boleh dicapai dalam sistem *market economy* yang diselubungi demokrasi yang berlandaskan keadilan sosial - *social justice*.
20. Prinsip keadilan sosial ini menjadi tunjang kepada konsep ekonomi manusiawi, di mana pada 26 tahun yang lalu, saya telah menukil dalam buku *The Asian Renaissance* bahawa “Asas ekonomi manusiawi ialah falsafah pembangunan yang holistik, berpandukan keprihatinan etika dan sosial serta berasaskan prinsip keadilan dan kebajikan – al-‘adl wa ‘l-ihsan. Menguruskan ekonomi sedemikian bukan sahaja mengenai peruntukan sumber yang terhad untuk memenuhi keperluan fizikal dan material manusia, ia juga mengenai peruntukan sumber yang sama untuk memenuhi kehendak rohani dan intelek manusia.”
21. *Fast forward* ke 2023, saya percaya tema ini bukan sahaja masih relevan bahkan merupakan *imperative* sebagai pendekatan menyeluruh demi negara mencapai pertumbuhan ekonomi lestari yang juga prihatin rakyat dari segi rohani dan jasmani.

Nilai Fundamental S.C.R.I.P.T.

22. Maka dalam konteks ini, wahdah Malaysia Madani berteraskan Nilai Fundamental S.C.R.I.P.T sebagai asas, didukung oleh empat dasar semasa, yakni, Rancangan Malaysia Ke-12, Bajet Tahunan Kerajaan, Pelan Baharu Antirasuah yang akan digubal kelak serta Matlamat Pembangunan Mampan atau U.N. Sustainable Development Goals (SDGs).
23. Wahana utama yang menjadi teras Malaysia Madani akan bertunjangkan empat Teras Strategik Utama iaitu Membina Semula Ekonomi, Menjamin Kesejahteraan Insan, Reformasi Institusi Demokrasi dan Perundangan serta Mewujudkan Pentadbiran Beramanah.
24. Bagi memastikan kemampunan dan kelancaran agenda ini, tiga pembolehdaya strategik (*strategic enablers*) akan berfungsi sebagai enjin penggerak iaitu Digitalisasi Perkhidmatan Rakyat, Pendaya upayaan Bakat Terbaik Negara dan Pemerkasaan Pengurusan Projek Strategik.
25. Prinsip enjin penggerak ini sarat dengan makna dan implikasi. Semasa dunia dilanda dengan krisis ekonomi gergasi iaitu *the Great Depression*, John Maynard Keynes dalam bukunya *Essays in Persuasion*, menukil tentang “magneto [alternator] trouble,” yakni, “no matter how powerful the economic engine

is, it will not perform well as long as one crucial part is malfunctioning.” Ertikata lain, tidak kira betapa kuatnya enjin ekonomi, ia tidak akan berfungsi dengan baik selagi sebahagian pentingnya rosak.⁴

26. Enjin utama, yakni, jentera kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar perlu berfungsi secara optimal. Justeru, kita perlu selesaikan isu tatakelola serta koordinasi, terutamanya bermula dengan pihak pengurusan atasan dan inshaAllah roda ekonomi akan mula berputar semula, bahkan dengan lebih laju lagi.
27. Memandangkan ini, keutamaan strategik boleh dicerakin seperti berikut:

Keutamaan 1: membasmi kemiskinan

Kendatipun kadar kemiskinan negara dikatakan menurun dengan ketara ketimbang lima dekad yang lalu, namun hakikatnya jumlah rakyat miskin masih tinggi. Setakat Julai 2022, lebih 136,000 isi rumah masih dalam kategori miskin tegar, sementara lebih 308,000 isi rumah dalam kategori miskin.

⁴ John Maynard Keynes, *Essays in Persuasion*

Dalam kesempatan yang lain, Jabatan Perangkaan Malaysia turut mendedahkan bahawa sebanyak 20 peratus daripada kumpulan isi rumah M40 telah beralih kepada kumpulan B40 susulan pelaksanaan PKP yang menyaksikan kemerosotan atau kehilangan punca pencarian rakyat.

Sementara faktor pendapatan menjadi unsur asasi dalam menentukan kadar kemiskinan, sayugia diberi tumpuan juga pada dimensi lain yang turut menjadi perkara pokok dalam mutu kehidupan.

Justeru, saya usulkan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi sebagai kaedah alternatif bagi mengukur kadar kemiskinan berdasarkan dimensi keperluan asas seperti tahap pendidikan, zat makanan, bekalan air bersih dan sebagainya, sesuai dengan kenyataan hidup manusia yang hakikatnya beragam dimensi.

Perjuangan selama lebih 2 dekad menjadi teladan untuk kita membina sebuah masyarakat madani yang bersifat ihsan, peduli dan merasai keperitan orang miskin. Membela kebajikan bermula dengan kadar upah yang bermaruah.

Keutamaan 2: Penstrukturan semula ekonomi

Penstrukturan semula ekonomi perlu berasaskan etika yang mampan – elakkan pembaziran dan kemewahan, basmi ketirisan dan rasuah, segerakan bantuan dan prasarana rakyat, pemerataan kekayaan secara saksama.

Soal penentangan rasuah sudah berulang kali dibangkit dan dirumus. Cukup sekadar saya mengulangi bahawa langkah-langkah berkesan terhadap rasuah mesti merangkumi pembaharuan masyarakat dan undang-undang yang menyeluruh. *There must be the political will to wage war on this.*

Keutamaan 3: Memulih dan menjana ekonomi

Kita perlu memberi galakan dan dorongan penuh kepada perusahaan tempatan yang berteraskan M.A.D.A.N.I. untuk menyumbang kepada pertumbuhan; dan menarik pelaburan asing yang berteraskan M.A.D.A.N.I. untuk memastikan kesejahteraan rakyat.

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan tulang belakang ekonomi Malaysia kerana mereka menyumbang 38% kepada KDNK kita. PKS di seluruh negara membentuk 97.2% daripada jumlah keseluruhan pertubuhan perniagaan

di Malaysia, menggaji hampir 70% tenaga kerja negara. Justeru, memastikan PKS berkembang dan maju harus menjadi keutamaan pokok Kerajaan.

Masyarakat

28. Perpaduan kaum: Pimpinan ini akan berusaha memelihara rakyat daripada kancah perkauman, serta meletakkan noktah terhadap usaha pihak yang menggunakan politik identiti untuk memecah-belahkan masyarakat.
29. Raja-Raja Melayu seperti DYMM Sultan Perak, DYMM Sultan Selangor dan terbaru DYMM Raja Perlis, juga telah bertitah memberi peringatan.
30. Menelaah semula gesaan Ibn Khaldun yang menganjurkan asabiyyah dalam pengertian perpaduan dan kerjasama, berkongsi tujuan untuk membangunkan negara, dan berwaspada terhadap asabiyyah dalam pengertian perkauman sempit sehingga mengizinkan berlakunya kezaliman:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَمِنَ الْعَصَبِيَّةَ أَنْ يُجِبَّ الرَّجُلُ قَوْمَهُ؟ قَالَ: لَا، وَلَكِنْ مِنَ الْعَصَبِيَّةِ أَنْ يُعِينَ الرَّجُلُ قَوْمَهُ عَلَى الظُّلْمِ

“Wahai Rasullullah, adakah tergolong sebagai asabiyyah jika seseorang mencintai kaumnya? Baginda bersabda, tidak. Tetapi yang dikatakan asabiyyah itu adalah saat seseorang menolong kaumnya pada perkara yang zalim.”

Pendidikan

31. Menurut Franklin D. Roosevelt: *Democracy cannot succeed unless those who express their choice are prepared to choose wisely. The real safeguard of democracy, therefore, is education.*
32. Reformasi pendidikan menuntut pemansuhan dasar yang membebankan guru dan pelajar, serta penerapan pemikiran kritis dan kreatif.
33. Neil Postman mengutarakan tesis yang menekankan peripentingnya berwaspada atas “the false gods of modern education” dari peringkat sekolah lagi.⁵ Justeru, walaupun economic utility, technology dan technical and vocational skills adalah penting untuk menghasilkan tenaga kerja yang berfungsi dan produktif, kita tidak boleh lupa bahawa *rasionale* utama untuk pendidikan awam ialah pembangunan sahsiah – *character development*.

⁵ Neil Postman, *The End of Education*.

34. Mengikut Profesor Sayed Naquib Al-Attas, objektif pendidikan adalah ta'dib yakni bertujuan menjadikan manusia lebih baik, lebih beradab. Konsep ini membawa nilai keadilan, kebijaksanaan dan amal yang perlu diterapkan secara holistik dalam kurikulum pendidikan nasional.
35. Melangkah ke hadapan, pemodenan sistem universiti harus digerakkan, termasuklah mewujudkan ijazah berkaitan industri dengan fokus kepada teknologi baharu, mewujudkan kajian bidang-bidang baharu, termasuklah pendekatan baharu terhadap ekonomi manusiawi, ihsan, ada pertimbangan yang mampan, memberi tumpuan kepada kerjasama dan bukannya persaingan yang tidak terkawal. Ini diperlukan bagi mengharungi masa-masa sukar dan tidak menentu yang akan datang – ternyata pendidikan tinggi berperanan mempersiapkan pelajar untuk masa hadapan.

Alam sekitar

36. Sudah kerap kali dinyatakan bahawa Malaysia mensasarkan tahun 2050 untuk mencapai *net-zero green house gas emissions*.
37. Justeru, apa yang diperlukan ialah tindakan susulan terhadap rancangan pelaksanaan secara holistik dan bukan

pendekatan 'silo'. *Coordination is essential or else the engine will malfunction.*

Tenaga

38. Perpindahan sumber tenaga daripada bahan api fosil kepada sumber tenaga asli seperti suria, angin, hidroelektrik, dan sumber tenaga alternatif lain akan mula digerakkan. Usaha memupuk ekonomi hijau memerlukan komitmen penuh oleh sektor awam dan swasta.

Perundangan

39. Suatu undang-undang yang tegas terkait perlindungan flora dan fauna, alam sekitar dan masa hadapan Malaysia akan digubal.

Cukai

40. Cukai kemampanan yang terkait dengan aspek alam sekitar seperti perubahan iklim, keadilan sosial, dan isu-isu khusus di peringkat tempatan dan antarabangsa wajar diperkenal untuk memastikan tekad kerajaan dalam melaksanakan agenda kemampanan negara dapat diteruskan.

Teknologi

41. Setiap sektor pembuatan harus mendakap prinsip daya cipta dan melakukan perubahan radikal untuk mempersiapkan negara bagi menghadapi kerancakan industri 4.0, teknologi pertanian serta gelombang perubahan yang lain. Pasaran kerja akan berubah dengan peningkatan penggunaan *Artificial Intelligence* (AI), robotik, automasi, data raya, analitik yang canggih, kecerdasan buatan dan pelbagai lagi perkembangan teknologi digital di luar kotak fikiran.
42. Mengenai AI, kita perlu bersedia berhadapan tsunami teknologi yang akan melanda dunia digital dengan kedatangan ChatGPT. Maka, persediaan yang secukupnya bagi menghadapi perubahan harus disegerakan.

Kemajuan desa

43. Menubuhkan pusat luar bandar serta pusat universiti untuk mengkaji dan meneroka Pertanian 4.0 dan daya cipta pertanian lain (pertanian pintar, penggunaan GPS untuk mengimbas tanah dan pengurusan data, hidroponik, bahan mentah alga, penggunaan teknologi dron, pertanian di laut, kepelbagaian tanaman, dan lain-lain).

Institusi

44. Menubuhkan pusat penyelidikan dan institusi bebas, yang berhubung langsung dengan industri pada aspek yang berbeda dalam Industri 4.0. Usaha sudah dimulakan untuk membuka ruang kepada bekalan kenderaan elektrik (EV) agar melabur di Malaysia – terbaru pelaburan sejumlah RM5 bilion untuk membangunkan kilang pengeluaran. Pembinaan infrastruktur untuk keperluan kenderaan elektrik dan kenderaan pandu sendiri juga akan dimulakan.

Media bermaruah

45. Dalam dunia media, termasuklah media sosial dan media arus perdana, kebenaran, keadilan dan privasi haruslah dihormati, di samping bebas daripada laporan tidak beretika, prasangka, dan campur tangan politik. Ini justeru memerlukan penyuburan budaya hormat-menghormati, yang merupakan sendi kepada MADANI.

Penilaian Prestasi

46. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah memperkenalkan mekanisme baharu penilaian prestasi sektor awam iaitu *Malaysian Government Performance Index* (MyGPI) yang bertujuan menilai prestasi agensi sektor awam secara holistik.

47. MyGPI melaksanakan penilaian dalam konteks pengurusan organisasi dan pendigitalan perkhidmatan melalui tadbir urus ke arah reformasi sektor awam serta menyumbang kepada peningkatan imej dan kedudukan negara di peringkat global, pemudahcaraan komuniti perniagaan dan kesejahteraan rakyat.
48. Pencapaian agensi diukur melalui tadbir urus yang cekap mengambil kira aspek kepimpinan, pematuhan, inklusif, responsif, integriti dan ketelusan serta prestasi sektor awam yang dinamik, berkesan dan berpaksikan rakyat.

Para hadirin sekalian,

Akhirul kalam

49. Kita telah menelusuri perjalanan yang cukup jauh dan getir dalam usaha membina negara bangsa. Sejak tanah air kita menuntut Merdeka dari cengkaman penjajah, di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, kita mudik hadapan membangun anak watan melalui pelbagai dasar dan polisi yang diperkenalkan.
50. Demokrasi berparlimen dan pertanggungjawaban demokrasi (democratic accountability) di negara Malaysia berkembang pesat dan kukuh – *is alive and well*. Hari ini, dengan mandat yang jelas, keabsahan yang teguh, didukung oleh majoriti yang cukup besar ahli-ahli Dewan Rakyat yang mengangkat

Kerajaan Perpaduan, Alhamdulillah, kita akan membawakan sebuah hala tuju baharu yang akan memandu seluruh jentera Kerajaan serta rakyat Malaysia.

51. Malaysia Madani akan menjadi satu gagasan baharu yang memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.
52. Di atas semangat itu, kejituan hasrat dan kesungguhan azam, maka saya ingin membawa gagasan baharu Malaysia Madani ini sebagai mantra yang akan kita dukung bersama.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.